

## Silat perlu organisasi

Oleh RAHIME YUSOFF *PENINGK*

PERKEMBANGAN silat ke Benua Eropah perlu ditingkatkan lagi jika mahu mempercepatkan penyertaan sukan silat olahraga menjadi acara rasmi Sukan Olimpik menjelang abad ke-21.

Hasrat untuk menyaksikan silat olahraga di Sukan Olimpik bukan satu impian jika perancangan teliti ke arah pengembangan silat dibuat secara sistematik.

Di samping itu, Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) jangan leka untuk mengembangkan silat ke negara Komanwel supaya silat olahraga dapat disenarai dalam Sukan Komanwel 1998 nanti.

Selain itu, perhatian harus diberi kepada penyebaran secara meluas ke rantau Asia bagi menentukan peluang dipertandingkan pada Sukan Asia turut menjadi kenyataan.

Kejayaan silat menjelajah Jerman, Perancis, Belanda, Sepanyol, Denmark, Sweden, Amerika Syarikat dan Surinam akan menjadi

daya penarik ke arah mempercepatkan lagi sukan itu ke Olimpik.

Bagaimanapun, Pesaka jangan terlalu memandang ke Barat dalam menjual silat kerana ruang kosong di rantau Asia hendaklah diterokai segera secara meluas.

Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Tuan Ismail Tuan Soh, dalam kertas kerja bertajuk - *Silat Melayu: Warisan dan Cabaran Abad ke-21* - yang dibentangkan pada Seminar Kebangsaan Silat Melayu, baru-baru ini, berharap agar akademi seni silat Melayu dapat dibentuk segera.

Akademi itu akan berfungsi sebagai tempat melahirkan jurulatih silat olahraga yang berwibawa untuk dihantar ke luar negara.

Pesaka perlu memainkan tugas bagi menyeragamkan sistem kejurulatihan silat olahraga untuk memudahkan mereka mengajar.

Jurulatih itu bukan hanya memahami konsep silat olahraga tetapi soal wasit dan juri.

Bagaimanapun, Tuan Ismail tidak mahu perguruan silat di negara ini menyimpan rasa bimbang bahawa adat perguruan mereka akan hilang identiti jika akademi itu ditubuhkan nanti.

Soal adat dan identiti perguruan tidak akan diubah dan jurulatih bebas mengamalkan langkah tari perguruan masing-masing apabila membuka gelanggang di luar negara nanti. Cuma yang diselarasakan ialah teknik silat olahraga.

Selagi akademi seni silat gagal dibentuk, matlamat untuk mengajar Sukan Olimpik dan Sukan Asia tidak akan tercapai.

Kegagalan Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) mengesan kelemahan sendiri menyebabkan

## teratur untuk 18 AUG 1991 berkembang

kan silat olahraga tercicir daripada senarai acara Sukan SEA di Manila, November depan.

Sepatutnya, usaha mengembangkan silat sudah dibuat tiga tahun dulu jika mahu silat olahraga kekal dalam senarai Sukan SEA selepas diperkenalkan di Jakarta empat tahun lalu.

Pengalaman pahit tetapi cukup bermakna itu perlu dijadikan pengajaran berguna bagi menyusun semula perkembangan silat secara lebih berkesan.

Masalah ini akan berterusan jika Persilat atau Pesaka sendiri gagal menyediakan jurulatih profesional untuk dihantar ke luar negara.

### B. Minggu (M)

Pesaka harus mencontohi Korea Selatan, Jepun dan China dalam usaha mereka memperkenalkan taekwondo, karate-do, judo dan wushu hingga ia sudah menjadi acara rasmi Sukan Asia.

Dalam hal ini, pengorbanan amat perlu. Jika sekadar bercakap dan merancang tanpa ikhtiar ber-sungguh-sungguh, perkembangan silat tidak akan ke mana.

Sekiranya akademi seni silat sudah berjaya melahirkan jurulatih profesional, silat boleh dikembangkan ke Jepun, Korea Selatan, China, Hong Kong dan beberapa negara Asia lagi serta Asia Barat.

Yang penting, kita tidak perlu rendah diri tetapi berani mengembangkan silat ke mana saja.

Sementara itu, Setiausaha Pesaka, Abdul Rahman Hassan, dalam kertas kerjanya - *Ke arah Profesionalisme Organisasi Silat* - menyarankan agar semua pertubuhan silat yang bertaburan di negara ini mendaftar secara rasmi mengikut undang-undang negara.

Jika organisasi silat diurus secara profesional, perkembangan silat di negara ini dan luar negara akan lebih pesat lagi.

Bagi membantu kelancarannya, kerjasama Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Luar, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan amat diperlukan.

Setakat ini, hasrat Pesaka menjadikan silat olahraga acara rasmi Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) belum terlaksana. Ini kerana perkembangan silat di peringkat sekolah masih terbatas.

Jika semua sekolah di negara ini menggalakkan perkembangan silat, pelajar yang sudah mahir dan berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara, akan dapat mendedahkan silat di pusat pengajian tinggi tempat belajar.